

Artikel

Geopolitik di Kawasan Parlimen (P019) Tumpat, Kelantan

(Geopolitic in the Area of Parliamentary Constituency (P019) Tumpat, Kelantan)

Junaidi Awang Besar^{1*}, Siti Marziah Zakaria², Muhamad Nadzri Mohamed Nor³, Suffian Mansor⁴ & Nik Hairi Omar²

¹Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

²Program Psikologi, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

³Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal-Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

⁴Program Sejarah, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal-Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: jab@ukm.edu.my

Abstrak: Geopolitik bermaksud pengaruh kuasa politik dengan sesuatu tempat. Geopolitik juga boleh dikatakan sebagai satu kajian politik mengenai keadaan sesuatu tempat sama ada dari segi aspek umur, etnik, sumber maklumat politik, budaya setempat mahupun pembangunan. Oleh itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk menganalisis tingkah laku politik pengundi dengan menjadikan kawasan Parlimen Tumpat, Kelantan sebagai kawasan kajian kes. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, temu bual bersemuka, rujukan data keputusan pilihan raya 2018 dan sumber sekunder yang berkaitan iaitu buku, artikel jurnal, serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dan juga daripada media elektronik seperti internet dan media sosial. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden memilih pemimpin anak tempatan serta mesrta rakyat sebagai kriteria pemilihan pemimpin. Bagi kriteria parti politik yang disokong pula, mereka memilih parti politik memiliki trek rekod yang baik dan berpengalaman (ekonomi dan sosial) serta mempunyai barisan pemimpin yang bersih, berwibawa dan berpendidikan. Bagi orientasi atau kecenderungan pilihan politik, mereka berfahaman ciri-ciri fahaman politik kepartian yang merentasi ciri-ciri kaum/agama tetapi mengutamakan perjuangan dan nilai keadilan sosial, demokratik, amanah, berintegriti dan progresif. Mereka juga berkecenderungan memilih parti politik yang memperjuangkan isu nilai sejagat seperti ketelusan, tata kelola yang baik, keadilan, kejujuran dan kesaksamaan kaum.

Kata kunci: Partisipasi, persepsi, isu semasa, dasar pembangunan, pemimpin

Abstract: Geopolitics means the influence of political power with a place. Geopolitics can also be said to be a political study of the state of a place whether in terms of age, ethnicity, source of political information, local culture or development. Therefore, it is the purpose of this study to analyze the political behavior of voters by making the Tumpat Parliamentary constituency, Kelantan as a case study area. This study uses questionnaires, face -to -face interviews, reference data on 2018 election results and related secondary sources such as books, journal articles, as well as conference/symposium/seminar papers and also from electronic media such as internet and social media. The findings of the study show that majority of respondents chose local and people-friendly leaders as the criteria for selecting leaders. As for the criteria of a supported political party, they choose a political party that has a good track record and experience (economic and social) and has a clean, credible and educated leader. As for the orientation or tendency of political choice, they understand the characteristics of party political ideology that transcends racial/religious characteristics but prioritizes the struggle and values of social justice, democracy, trust, integrity and progress. They also tend to choose political parties that fight for issues of universal values such as transparency, good governance, justice, honesty and racial equality.

Keywords: Participation, perceptions, current issues, development policy, leaders

Pengenalan

Geopolitik bermaksud impak kuasa politik dengan sesuatu tempat. Geopolitik juga boleh dikatakan sebagai satu penyelidikan politik mengenai senario sesuatu kawasan sama ada dari segi perspektif umur, kaum, sumber maklumat politik, budaya lokal mahupun pembangunan. Dalam bidang kajian politik pilihan raya, tingkah laku sering dimaksudkan sebagai peranan psikologi yang menjadi asas kepada gelagat ruangan individu yang mengutamakan peranan kognitif dan faktor pembuat keputusan. Proses pilihan raya dari sudut geografi pilihan raya terjadi dengan pantas sehingga terdapat beberapa pakar geografi menjelaskan bahawa geografi pilihan raya ialah sari kepada geografi politik. Penyelidikan awal berkenaan pilihan raya dari perspektif geografi telah menghasilkan hipotesis bahawa rakyat mengundi selari dengan perkara yang difikirkan penting bagi mereka. Oleh itu, penyelidikan ini mengenalpasti ciri pengundi yang dapat menghasilkan tafsiran pada sifat kepentingan tersebut. Kepelembagaan kawasan dalam kelas sosial, ekonomi, pendidikan, etnik, perbandaran dan faktor demografi lain adalah antara faktor-faktor utama yang dipertimbangkan. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan penyelidikan ini untuk menganalisis tingkah laku politik pengundi dengan menjadikan kawasan Parlimen (P019) Tumpat, Kelantan sebagai kawasan kes kajian.

Sorotan Literatur

Rahmat (1979) dalam buku yang bertajuk “Perkembangan Politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842” menjelaskan bahawa perkembangan politik kesultanan di Kelantan dipengaruhi oleh Pattani dan berlaku pergolakan antara kerabat DiRaja untuk merebut takhta negeri tersebut. Alias (1991) dalam buku yang bertajuk “Ada Apa di Serambi Mekah” memperihalkan tentang pencapaian Kerajaan PAS Kelantan selama 2 tahun pemerintahan berteraskan kepimpinan ulamak. Turut dihuraikan isu politik antara kepimpinan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri yang berlarutan sejak PRU 1990. Mohd Firdaus (1992) dalam buku yang bertajuk “Kerajaan Tanpa Restu” menjelaskan bahawa walaupun Kerajaan Kelantan terus ditekan oleh Kerajaan Pusat pimpinan BN namun rakyat Kelantan terus cekal dan kuat menghadapi sekatan tersebut.

Bagi Majelar (1993) dalam penyelidikan berkenaan sumbangan wanita Kelantan ketika pilihan raya menunjukkan bahawa sumbangan wanita Melayu dapat ditonjolkan dalam beberapa aspek seperti keluar mengundi, sebagai pemidato dari rumah ke rumah selain daripada berperanan sebagai ahli parti politik. Mohammad Agus (1994) dalam buku yang bertajuk “Politik Kelantan Selepas Pilihanraya 1990” menjelaskan bahawa terdapat cabaran pemerintahan PAS-APU di Kelantan selepas PRU 1990, antaranya adalah hubungan antara PAS-Semangat 46, pengekalan dan pemeliharaan aset peninggalan Kerajaan BN, budaya hidup generasi muda Kelantan, pengurusan sumber asli Kelantan dan peranan masyarakat Kelantan di perantauan.

Mohd Sayuti (1994) dalam buku yang bertajuk “Dilema Politik Kelantan: Mampukah BN Gugat Angkatan?” menjelaskan bahawa PAS ditonjolkan sebagai simbol kekuatan Islam di Kelantan manakala UMNO pula dilabelkan sebagai agen pembangunan. Alias (1994) dalam buku yang bertajuk “Kelantan di Bawah Pemerintahan PAS: Masalah Tanah dan Rasuah” menjelaskan bahawa terdapat banyak kelemahan pemerintahan PAS Kelantan sejak 1959 hinggalah 1990 yang berpunca daripada ketidakfahaman kaedah pentadbiran dan parti politik menguasai kerajaan akibat desakan pimpinan politik bawahan di negeri tersebut.

Kamsaini (1995) menjelaskan wanita adalah jentera barisan hadapan yang utama bagi parti dan calon yang bertanding di Kelantan, kerana setia memberikan sokongan. Yusri (1995) dalam buku yang bertajuk “Kelantan: Penentu Agenda Politik Malaysia” menjelaskan bahawa keunikan orang Kelantan yang minat berniaga dan boleh hidup berdikari tanpa mengharap bantuan besar menjadikan mereka juga bebas berpolitik meskipun melawan arus politik semasa. Nik Aziz (1995) dalam buku yang bertajuk “Kelantan Universiti Politik Terbuka” menjelaskan rakyat Kelantan terbuka dalam menilai senario politik semasa, berdikari dalam bertindak serta memahami selok belok politik di negeri tersebut. Rakyat dan ahli politik daripada negeri lain perlu belajar daripada Kelantan agar bijak dan matang dalam membuat sesuatu keputusan politik.

Mohammad Agus (1995) dalam kajian PRU 1990 di Kelantan mendapat kerjasama erat antara PAS dengan Semangat 46 yang dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang menonjolkan imej perpaduan yang baik, kegagalan UMNO menangani krisis antara Menteri Besar (BN) dengan Sultan dengan baik, imej pemimpin APU/PAS iaitu Nik Aziz yang baik dan sederhana, jentera parti dan strategi kempen APU yang kemas dan tersusun, pengaruh manifesto APU dan peranan media massa yang berat sebelah menyebabkan rakyat Kelantan menolak BN dalam PRU 1990 tersebut.

Menurut Samsiyah (1996) menyatakan dalam sesuatu proses politik, pandangan, tingkah laku, dan respon antara individu adalah berlainan. Pengundi di Kelantan berminat tentang politik sama ada yang tinggal di bandar atau luar bandar dan mereka mengambil berat terhadap calon yang menang. Wan Imran (1996) dalam buku yang bertajuk “Krisis Politik Kelantan: Siapa Salah? Sultan? Semangat 46? atau PAS?” menjelaskan bahawa pembubaran Parti Melayu Semangat 46 untuk menyertai UMNO adalah untuk penyatuan Melayu demi mempertahankan hak dan ketuanan Melayu.

Abdul Rahman (1999) dalam kajian kes kesedaran dan partisipasi politik dalam kalangan masyarakat Siam Kelantan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kelaboran, Tumpat mendapati tahap kesedaran politik mereka berada pada tahap sederhana tetapi dari segi tahap partisipasi politik masih rendah, kecuali dari segi kegiatan mendengar ceramah politik dan mengundi adalah aktif. Partisipasi hanya pada peringkat cawangan parti di kampung mereka sahaja kerana ketiadaan kepimpinan dan organisasi pada peringkat kampung.

Erdawati (1999) dalam kajian penilaian pembangunan parti pembangkang (PAS) di Kelantan, kajian kes di Parlimen Tumpat mendapati PAS juga mampu melaksanakan pembangunan sebagaimana UMNO. Banyak projek pembangunan telah diperkenalkan dan dilaksanakan semasa pemerintahan PAS di Kelantan terutamanya pembangunan kerohanian. Didapati wujud perbezaan pembangunan diantara dua era pemerinta-

han iaitu sebelum 1990, semasa pemerintahan UMNO, dan selepas 1990 (pemerintahan PAS). Mohd Shardi (1999) mendapati keseluruhan wanita memberikan sumbangan terbesar sebagai pengundi dengan 92 peratus daripada mereka keluar mengundi pada hari pembuangan undi. Sebanyak 70 peratus responden merasakan wanita amat perlu bertindak sebagai pegawai penerangan parti untuk meningkatkan lagi jumlah pengundi dan pemimpin wanita yang bertanding dalam pilihan raya.

Hassan (1999) dalam kajiannya menyatakan peratusan undi yang diperoleh dan dicapai oleh BN dan juga PAS sejak PRU 1955 hingga 1995. Penulis menerangkan bagaimana dan faktor-faktor yang mempengaruhi undi antara BN dan PAS. Antaranya ialah faktor dalam sama ada dari BN ataupun PAS itu sendiri. Penulis juga menyatakan pengaruh Ku Li masih kuat di Kelantan sambil menyatakan Ku Li memang mempengaruhi senario politik Kelantan.

Chua (2000) menjelaskan bahawa petunjuk yang menjadi faktor golongan Cina Peranakan mengundi sesebuah parti politik bergantung kepada tahap kebolehlakuan parti politik menjana keuntungan kepada mereka. Badan Perhubungan PAS Kelantan (2000) melalui buku yang bertajuk "10 Tahun Pemerintahan PAS Negeri Kelantan Darulnaim Dibawah Kepimpinan Ulamak" menjelaskan bahawa kebenaran dan kebaikan ajaran Islam yang ditonjolkan dalam pemerintahan Kerajaan PAS Kelantan telah berjaya mengubah cara berfikir dan persepsi rakyat Kelantan untuk menerima kepimpinan ulamak di negeri ini.

Hj. Mohd Amin (2001) dalam buku yang bertajuk "Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990" menjelaskan bahawa perjuangan PAS diuji sebagai Kerajaan dan sebagai pembangkang. Perjuangan PAS yang berlandaskan kepada politik, dakwah dan tarbiah demi mendapat keredhaan Allah SWT akan mendapat ganjaran kelak. Kajian oleh Norzaimawati (2001) mendapati bahawa tingkah laku politik Orang Asli di Gua Musang, Kelantan pada kadar yang rendah. Ini disebabkan mereka tidak memperoleh maklumat yang tepat tentang politik semasa. Azan (2002) dalam kajian persepsi dan penerimaan penubuhan puteri UMNO dalam kalangan beliawanis Pasir Mas Kelantan mendapati golongan beliawanis 54 peratus adalah tidak berminat dengan puteri UMNO dan 45 peratus adalah berminat. Kajian juga mendapati golongan beliawanis masih lagi merujuk kepada keluarga dalam membuat keputusan. Zulkarnain et al. (2003), kajian sikap minda rakyat Kelantan: tinjauan dari aspek politik dan agama mendapati sikap minda dan pemikiran masyarakat Kelantan banyak dipengaruhi oleh sosiobudaya yang tersendiri. Hal ini termasuk juga dari sudut pemikiran politik dan keagamaan.

Zulkifli (2004) dalam buku yang bertajuk "Mencari Jogho Baru" menjelaskan bahawa UMNO tidak perlu takut bertanding di kubu kuat PAS di Kelantan dengan syarat menampilkan calon baru dan muda serta berwawasan jauh untuk membangunkan Kelantan yang sudah lama tertinggal di bawah pemerintahan PAS. Mohd. Fuad & Junaidi (2005) menjelaskan keputusan PRU DUN Pengkalan Pasir, Kelantan 2005 merupakan petunjuk terhadap pengaruh PAS di Kelantan dan kebangkitan BN. Mohd Mahadee dan Ab. Bassit (2008) berpandangan budaya politik orang Melayu Kelantan agak unik dalam dinamik politik negara menyebabkan pilihan politik mereka adalah sukar untuk dijangkakan.

Mohd Fuad Mat Jali dan Junaidi Awang Besar (2011) menjelaskan bahawa pengundi di luar bandar dalam PRK DUN Manek Urai, Kelantan lebih condong untuk menyokong Barisan Nasional (BN). Walaupun BN tewas dalam PRK tersebut, namun undi kepada PAS telah merosot. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Noor (2011) mengkaji sama ada BN berjaya atau tidak berjaya menguasai Kelantan dalam PRU-12 dan PRU-13. Penguasaan kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan sebelum pilihan raya adalah 22 kerusi BN dan 23 kerusi PAS/PKR. Pilihan raya ke-12 dianggap sengit bagi kedua-dua pihak.

Walau bagaimanapun berbeza pula dengan kajian yang dilakukan oleh Mohammad Redzuan (2011) yang mengkaji tentang kekalahan dan kegagalan BN menawan Kelantan dalam PRU ke-12. Kajian ini menjelaskan sebab dan faktor PAS masih bertahan di Kelantan yang antaranya ialah persiapan dan strategi PAS menghadapi PRU ke-12, imej kepimpinan Ulama Nik Abdul Aziz Nik Mat, manifesto membangun bersama Islam PAS Kelantan, peranan Anwar Ibrahim, dan kesilapan strategi Barisan Nasional untuk menawan Kelantan. Husam (2012) dalam buku yang bertajuk “Royalti: Amanah Dikhianati” menjelaskan bahawa Kelantan berhak mendapat royalti minyak kerana di kawasan pesisir pantai negeri tersebut terdapat telaga minyak seperti di Terengganu, Sabah dan Sarawak yang mendapat royalti sejak sekian lamanya.

Seterusnya, dalam kajian oleh Mohd Rozimi dan Ahmad Kamal (2012) menerangkan tentang suasana politik di negeri Kelantan bermula dari era pemerintahan parti PAS sehingga pengisytiharan Darurat 1977. Kajian ini melihat dari aspek sejarah dan menjadikan sumber-sumber kepustakaan sebagai data dalam menjelaskan fenomena yang berlaku. Junaidi, Mohd Fuad dan Mohd Faiz (2012) dalam kajian PRK DUN Galas, Kelantan menyatakan bahawa manifesto yang meliputi aspek pembangunan sosial mempengaruhi pilihan politik pengundi di dalam kajian ini.

Siti Amani (2013) mendapati bahawa peluang untuk menawan Kelantan pada PRU-13 adalah cerah kerana bacaan sikap awal menunjukkan pengundi menyokong BN. Namun begitu, strategi “gelombang merah” dan tujuh janji pembangunan oleh Perdana Menteri dilihat masih tidak mampu membuka hati rakyat Kelantan untuk menyokong BN seterusnya dalam PRU sebenar 2013.

Mohd Faiz et al. (2014) menyatakan faktor penolakan BN di Kelantan adalah kesederhanaan pimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz disamping kegagalan Gelombang Merah serta sokongan pengundi di bandar kepada PAS. Tok Guru Nik Abdul Aziz mempunyai aura tersendiri dengan keperibadian beliau yang dilihat warak dan sederhana telah memberi kesan terhadap pengundi di Kelantan.

Siti Khadijah (2015) dalam kajian tingkah laku pengundi di kawasan DUN Jelawat, Bachok, Kelantan menjelaskan terdapat tiga kriteria pemilihan pemimpin terpenting yang diutamakan oleh responden iaitu pemimpin yang mempunyai sikap jujur, ikhlas dan amanah; pemimpin yang berjiwa serta mesra rakyat dan selalu turun padang; dan pemimpin yang terdiri daripada calon tempatan.

Mohamad Azlin (2015) dalam kajian mengenai PRK kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan mendapati bahawa persepsi politik responden adalah berlainan berdasarkan latar belakang sosioekonomi dan demografi responden. Selain, itu, modal politik pembangunan yang dilaksanakan oleh BN mendapat sokongan pengundi di kawasan tersebut. Seterusnya, Junaidi et al. (2016) menyatakan bahawa pendekatan teori tingkah laku pengundi yang paling diikutkan di kawasan N.22 Jelawat adalah teori pilihan rasional iaitu pengundi akan mengundi parti atau calon yang dapat memuaskan tuntutan mereka dengan berdasarkan informasi dan pengetahuan terhadap sesuatu pilihan.

Rozimi (2016) dalam buku yang bertajuk “Kelantan 1977: Politik dan Pergolakan” menyatakan bahawa dalam negeri Kelantan pernah menghadapi pergolakan perebutan kuasa yang akhirnya menyebabkan berlakunya Darurat 1977 di Kelantan. Muhammad Nadzri dan Mohd Faizal (2016) dalam kajian Pilihan Raya Dalam Politik Kelantan 1990-2013 menyatakan persempadanan bahagian pilihan raya pada tahun 2003 mempengaruhi pola pengundian PRU 2004 di Negeri Kelantan.

Seterusnya, dalam kajian yang dijalankan oleh Arif Aizuddin et al. (2016) berkaitan dengan keputusan pilihan raya kecil yang diadakan di kawasan DUN Pengkalan Kubor pada tahun 2014. Dapatan kajian ini mencadangkan kepada PR untuk menilai kembali strategi kesepakatan politik yang dibuat supaya ianya adalah lebih bertepatan dengan kehendak pengundi di negeri Kelantan dan Malaysia. Mohd Fadhli (2017) dalam bab

dalam buku yang bertajuk “Kebangkitan PAS: Kepimpinan Ulama Bermula di Kelantan” menjelaskan bahawa kepimpinan ulamak dalam PAS telah memberi keyakinan kepada rakyat di negeri tersebut untuk terus menyokong dalam setiap kali PRU sejak PRU 1990 hinggalah yang terakhir iaitu PRU 2013.

Junaidi (2017) dalam kajian mengenai gelagat pengundi dan sokongan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan mendapati bahawa pendekatan teori pilihan rasional lebih positif dipilih berbanding teori identifikasi parti dan model sosiologi. Hal ini menunjukkan bahawa pengundi di kawasan ini lebih mengutamakan kepada kehidupan mereka terutamanya yang berkaitan dengan ekonomi, kebajikan, kemajuan dan kemudahan awam terutamanya dalam kalangan pengundi muda. Muhammad Nurluqman (2017) dalam kajian mengenai “Perlakuan pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan” mendapati bahawa pendekatan model pilihan rasional lebih utama jika dibandingkan identifikasi parti dan sosiologi. Ahmad Afif (2017) menjelaskan bahawa terdapat beberapa petunjuk yang boleh digunakan untuk mengkategorikan tingkah laku pengundian di Tumpat seperti isu kos sara hidup, isu agama yang sudah menjadi identiti mereka, tidak taksab dan anti penyelewengan.

Junaidi (2018a) menjelaskan keputusan PRK DUN Pengkalan Kubor menghasilkan kesan besar kepada UMNO yang mewakili BN dan PAS yang mewakili Pakatan Rakyat. Keyakinan dan penerimaan pengundi terhadap UMNO ini menjadikan parti tersebut terus kekal sebagai kubu kuat bagi BN. Junaidi et al. (2018) dalam bab dalam buku mengenai PRK Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan PRK ini dilihat memberi kesan terhadap pembangunan sosioekonomi dan politik iaitu dapat mewujudkan pembangunan infrastruktur, pola sokongan pengundi terhadap PAS dan BN di Negeri Kelantan.

Menurut Nor Fazlina & Mohd Zulkifli (2018) dalam penulisannya yang bertajuk ‘Dua Faktor PAS Kekal Di Kelantan’, mereka mendapati pengundi muda dan perantau menjadi faktor PAS mengekalkan pentadbirannya di Kelantan pada PRU-14. Nur Aina Nadia (2019) dalam kajiannya mengenai tingkah laku pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (N.29) Selising, Pasir Puteh, Kelantan mendapati bahawa tingkah laku responden di kawasan kajian adalah berbeza-beza dimana 63 peratus daripada responden mendengar ceramah politik dan selebihnya menyertai hari penamaan calon dan berkempen untuk parti politik.

Natasha Syakila (2019) dalam kajian yang bertajuk “Pengaruh identifikasi parti terhadap sokongan kepada parti politik di kawasan N.07 Panchor, Kelantan” mendapati bahawa peluang BN ataupun PH untuk merampas Kelantan daripada PAS pada PRU akan datang adalah tipis sebaliknya majoriti responden menyatakan tidak pasti. Nurul Syafiqah (2019) dalam kajian yang bertajuk “PRU-14, 2018: Kriteria pemilihan parti dan calon, isu dan faktor sokongan kepada parti politik di kawasan N.30 Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan” mendapati bahawa pengundi lebih mementingkan kriteria pemimpin yang berkarisma dan mempunyai ketokohan. Muhammad ‘Izzudin (2019) dalam kajian yang mengenai sentimen kepartian vs personaliti pemimpin dalam PRU 2018 di kawasan DUN Chempaka, Kelantan mendapati bahawa karakter pemimpin yang dimahukan responden di kawasan kajian ialah bersikap jujur dan amanah kepada tanggungjawab yang diberikan, bersih daripada rasuah dan pemimpin yang mementingkan kebajikan rakyat.

Muhammad Faizalnizam (2019) mendapati bahawa sebahagian besar responden yang menyokong PAS di kawasan DUN Pantai Irama, Bachok, Kelantan adalah kerana parti tersebut meletakkan Islam sebagai asas perjuangan parti iaitu dasar pemerintahan yang mengikut syariat Islam. Wan Nik & Nik Najmil Hanif (2020) dalam buku yang bertajuk “Pembinaan Tamadun Kelantan” menjelaskan bahawa Negeri Kelantan di bawah dasar pentadbiran Membangun Bersama Islam telah melalui tempoh hampir 30 tahun telah berjaya membuktikan bahawa Islam sebagai teras pembinaan tamadun negerinya. Tuan Ab Hamid (2020) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Kronologi Pentadbiran Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan 1990-2020” men-

jelaskan bahawa dengan slogan 'Membangun Bersama Islam' oleh Kerajaan PAS Kelantan meletakkan Kelantan terus melangkah ke hadapan menuju keberkatan, kemakmuran dan kebajikan dalam kalangan semua lapisan masyarakat di negeri tersebut. Junaidi (2021) mendapati bahawa ciri tingkah laku pemimpin yang diidamkan oleh responden di kawasan kajian iaitu DUN Chempaka, Kelantan ialah jujur dan amanah terhadap tugas yang diberikan, bersih daripada rasuah dan pemimpin yang mementingkan kebajikan rakyat. Nur Azuki (2021) menjelaskan bahawa perubahan polisi dan tadbir urus, ekonomi dan budaya kepimpinan, isu lokal mewarnai dunia politik Kelantan.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan rekabentuk tinjauan menerusi penggunaan borang soal selidik sebagai alat mengumpul data. Berdasarkan data PRU-14, kawasan Parlimen Tumpat (P.019) mempunyai sejumlah 4 kawasan DUN iaitu Pengkalan Kubor, Kelaboran, Pasir Pekan & Wakaf Bharu dan meliputi sejumlah 47,041 orang pengundi berdaftar.


Penetapan saiz sampel adalah berdasarkan formula Krejcie & Morgan (1970) yang memerlukan 381 sampel bagi sejumlah anggaran 50,000 populasi pengundi di kawasan ini yang dijangka bertambah menjelang PRU-15. Penetapan saiz sampel sebanyak 381 orang juga adalah mengambilkira faktor kesan saiz seperti ditekankan oleh Cohen, Manion & Morisson (2001) dan penetapan aras kesignifikan 95% bagi kajian sains sosial, serta ralat persampelan sebanyak 5%. Jumlah sampel akan dipilih secara rawak (berkelompok) berdasarkan lokaliti dan Daerah Mengundi (DM) dengan anggaran 80-90 sampel bagi setiap DUN dan mewakili pelbagai peringkat/kumpulan usia dan etnik. Tinjauan soal selidik ke atas pengundi akan dijalankan secara atas talian menggunakan google form. Borang soal selidik direkabentuk oleh kumpulan pengkaji berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Penyebaran pautan (link) borang soal selidik kepada pengundi adalah menerusi media sosial komuniti serta pusat khidmat masyarakat dan melalui enumerator yang dilantik bagi membantu kegiatan persampelan di lapangan.

Dalam kajian ini, data sekunder pula diperoleh melalui penyelidikan ke perpustakaan. Kajian lepas dan data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga memperoleh maklumat daripada media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (*facebook*, *twitter* dan *e-mail*) bagi memperoleh informasi tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.

Kawasan Kajian

Tumpat adalah sebuah bandar utama di negeri Kelantan yang terletak kira-kira 15 kilometer dari bandar Kota Bharu, ibu negeri Kelantan. Lokasinya adalah di bahagian utara negeri Kelantan dan berada di sebelah ibu negeri Kelantan iaitu Kota Bharu yang menyebabkan jumlah populasi penduduknya agak padat. Jumlah pemilih/pengundi di kawasan Parlimen Tumpat sebagaimana yang dicatatkan dalam daftar pemilih terkini Tahun 2018 yang dikeluarkan oleh SPR ialah seramai 111,201 orang. Peratusan yang paling besar adalah daripada bangsa Melayu iaitu sebanyak 92.9 peratus, bangsa Cina dengan 3.1 peratus, bangsa India dengan 0.2 peratus dan lain-lain bangsa dengan 3.7 peratus. Di bawah Parlimen Tumpat, terdapat empat DUN iaitu DUN Pengkalan Kubor, DUN Kelaboran, DUN Pasir Pekan dan DUN Wakaf Bharu (Rujuk Rajah 1: Peta Kawasan Parlimen Tumpat).

Rajah 1. Peta Kawasan Parlimen Tumpat dan Lokasi DUN Pengkalan Kubor



Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta Bahagian Pilihan Raya Parlimen Tumpat, SPR Kelantan 2018

Bagi persempadanan bahagian pilihan raya tahun 2018, Parlimen P.19 Tumpat telah mengalami proses persempadanan semula dengan perubahan sempadan antara DUN. Jumlah keseluruhan pemilih dalam Parlimen Tumpat ialah 111,201 orang. Pada PRU-14 (2018) di Parlimen Tumpat dimenangi oleh PAS menerusi calonnya yang baharu iaitu Dato’ Hj Che Lah Mat Nawi yang mendapat 47,041 undi dengan mengenyepikan calon BN iaitu Datuk Wan Johani Wan Hussin yang mendapat 29,541 undi dan calon PKR (PPBM) iaitu Dato’ Nordin Salleh yang memperoleh 10,003 undi dengan majoriti 17,500 undi dan peratusan buang undi sebanyak 79.99 peratus

Justifikasi pemilihan kawasan Parlimen Tumpat sebagai kawasan kajian adalah kerana lokasi geografinya di sebelah utara Kelantan, bercirikan semi bandar dan penempatannya yang padat dan rapat. Tambahan pula, kawasan Parlimen Tumpat adalah antara kawasan marginal yang pernah dikuasai BN dan PAS

serta merupakan kawan yang terawal penubuhan AMANAH dan PPBM/BERSATU selain daripada faktor kawasan Menteri Besar Kelantan sekarang.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Kriteria Pemimpin Yang Disokong

Pilihan raya merupakan proses pemilihan barisan kepimpinan sebagai penentu masa depan negara dan disertai serta diraikan semua warganegara yang layak. Peluang untuk mengundi ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja memandangkan dalam konteks pemilihan pemimpin bagi menggerakkan sistem demokrasi, pilihan raya menjadi petunjuk kepada kejayaan atau kegagalan demokrasi. Berdasarkan Jadual 1, 56 peratus responden memilih calon tempatan/anak tempatan sebagai faktor paling utama dalam mempengaruhi mereka membuat pilihan untuk memilih pemimpin yang disokong. Dalam pilihan raya, parti politik merupakan individu yang lebih dekat dengan pengundi akan memainkan peranan penting untuk mengundi dapat dilihat menerusi kepercayaan terhadap pemimpin yang mereka kenal yang mereka percayai dan juga kepentingan parti itu sendiri kepada mereka. Sebagai contoh, ketiadaan parti politik yang dipercayai dan disokong oleh pengundi dalam pilihan raya boleh menyumbang kepada penurunan peratusan keluar mengundi. Hal ini disebabkan pengundi merasakan tiada perubahan ketara dalam kerajaan sekiranya mereka keluar mengundi. Impaknya, semakin rendah jumlah pengundi dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mengundi, semakin tidak jelaslah jumlah majoriti.

Jadual 1. Kriteria Pemimpin Yang Disokong

Bil.	Kriteria Pemimpin Yang Disokong	% Ya
1.	Calon tempatan/anak tempatan	56.0
2.	Mesra rakyat	31.5
3.	Memiliki kelayakan akademik yang tinggi	6.0
4.	Memiliki pengetahuan agama yang mendalam	6.0
5.	Mementingkan perpaduan kaum dan agama	0.5

Sumber: Soal selidik 2021

Seterusnya, 31.5 peratus responden menyatakan faktor memilih pemimpin yang mesra rakyat mempengaruhi responden membuat pilihan untuk mengundi disebabkan bagi mereka, cara seseorang pemimpin dalam memenangi hati rakyat amat penting dalam meyakinkan pengundi bahawa mereka layak memimpin sebuah negara. Pengalaman memerintah dan sikap tanggungjawab yang ditunjukkan oleh seorang perdana menteri memberi pengaruh kepada rakyat untuk terus menyokong mahupun sebaliknya. Oleh yang demikian, kelayakan pemimpin dititikberatkan dan ia adalah berdasarkan keputusan rakyat maka sekiranya rakyat menyatakan pemimpin berikut mampu memerintah negara, sudah tentunya hal tersebut menarik pengundi membuat pilihan untuk mengundi dalam pilihan raya.

Bagi kriteria pemimpin yang memiliki kelayakan akademik dan pengetahuan agama yang tinggi masing-masing berada pada 6 peratus. Pengundi masih mengambil faktor pendidikan yang pemimpin miliki demi memastikan mereka bijak dalam mengatur strategi dalam kemajuan setempat. Menurut Zulkarnain et al. (2003), kajian pemikiran politik rakyat Kelantan: tinjauan dari perspektif politik dan agama mendapati sikap,

minda dan pemikiran masyarakat Kelantan dipengaruhi oleh sosiobudaya yang tersendiri dari sudut pemikiran politik dan keagamaan. Kajian mendapati 91 peratus orang Kelantan "response" terhadap politik semasa. Mereka memberi respon yang positif walaupun sekadar ambil tahu sahaja. Hakikat ini menggambarkan kesedaran politik yang tinggi dalam kalangan mereka. Dalam konteks fahaman politik, didapati 42 peratus menyokong UMNO, 24 peratus menyokong PAS, dan 34 peratus adalah golongan atas pagar. Golongan atas pagar adalah penentu kepada kemenangan mana-mana parti yang bertanding dalam pilihan raya umum. Kecenderungan masyarakat juga menunjukkan faktor agama banyak mempengaruhi kemenangan calon-calon dalam pilihan raya.

2. Kriteria Parti Politik Yang Disokong

Pilihan raya adalah perkara utama untuk berkerajaan sendiri bagi sesebuah negara yang merdeka dan menjadi satu proses yang membolehkan rakyat memilih pemimpin dan parti yang akan membentuk kerajaan. Dalam pilihan raya, tingkah laku pengundi dalam menyokong sesebuah parti politik boleh berubah sehingga mula memutuskan untuk menyokong sesebuah parti dan seterusnya diterjemahkan melalui kertas undi.

Berdasarkan Jadual 2, 50 peratus responden memilih calon yang memiliki trek rekod yang baik dan berpengalaman (ekonomi dan sosial) sebagai kriteria yang paling memberi kesan kepada keputusan responden untuk menyokong sesebuah parti politik. Pengundi menginginkan wakil rakyat yang memiliki trek rekod yang baik serta berpengalaman dalam aspek ekonomi dan sosial, mereka bukan sekadar bijak dalam memberikan pelbagai janji demi mendapatkan sokongan dan populariti menuju sesuatu pilihan raya. Calon yang mempunyai trek rekod yang baik dapat mencerminkan keseluruhan seseorang itu dari aspek keperibadian, sahsiah, perucapan dan sopan santun. Justeru, calon inilah yang akan dipilih oleh pengundi dalam memastikan beliau mampu berkhidmat kepada masyarakat dan negara dengan lancar. Secara tidak langsung trek rekod yang bersih tanpa isu dan pengalaman yang terdapat dalam diri calon akan menjadi cerminan kredibiliti sesebuah parti politik itu sendiri. Parti politik perlulah menampilkan calon sebegini bagi memastikan mendapat sokongan majoriti daripada pengundi. Hal ini bermakna, responden memilih parti politik berdasarkan tahap trek rekod dan pengalaman seseorang calon yang bertanding.

Jadual 2. Kriteria Parti Politik Yang Disokong

Bil.	Kriteria Parti Politik Yang Disokong	% Ya
1.	Memiliki trek rekod yang baik dan berpengalaman (ekonomi dan sosial)	50
2.	Mempunyai barisan pemimpin yang bersih, berwibawa dan berpendidikan	33
3.	Mengutamakan isu/hak dan kebajikan rakyat	8
4.	Dapat menunaikan janji-janji pilihan raya	5
5.	Mampu memacu pembangunan setempat dan negara	4

Sumber: Soal selidik 2021

Berikutnya, barisan parti politik yang mempunyai barisan pemimpin yang bersih, berwibawa dan berpendidikan juga mempengaruhi keputusan responden dalam memilih parti politik iaitu 33 peratus responden. Barisan pemimpin yang berwibawa dapat menjamin kemajuan yang dibawa oleh mereka untuk membantu rakyat setempat. Pelbagai kemajuan dan kebaikan akan dibawa mereka untuk memastikan wa-

wasan atau tujuan parti mereka tercapai. Oleh itu, pemimpin yang bersih, berwibawa dan berpendidikan yang disampaikan oleh parti politik akan menarik perhatian dan membangkitkan rasa keinginan dalam kalangan pengundi untuk terus memilih dalam pilihan raya. Sebagai contoh, kemenangan PH dalam PRU-14, 2018 sedikit sebanyak dilihat hasil daripada pengaruh rakyat terhadap pendidikan yang dimiliki oleh pemimpinnya yang berasal dari pelbagai latar belakang bidang ilmu yang berbeza.

Situasi ini menunjukkan barisan pemimpin yang bebas dari isu, berwibawa dan berpendidikan mempunyai pengaruh yang agak kuat dalam menentukan keputusan pilihan raya mengikut kehendak rakyat ketika itu. Pendekatan sosiologi bagi kajian ini menekankan bahawa kaum, usia, kelulusan agama dan tahap akademik tertinggi calon dan lain-lain mempengaruhi pilihan pengundi dalam pilihan raya. Dalam teori ini, responden memilih pemimpin yang mempunyai tahap pendidikan yang terbaik serta pengalaman kerjaya yang membanggakan.

Selain itu, 8 peratus responden dipengaruhi oleh parti politik yang mengutamakan isu/hak dan kebajikan rakyat semasa dalam melakukan pemilihan terhadap sesebuah parti politik. Isu/hak dan kebajikan rakyat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kepercayaan pengundi atau pemilihan calon parti politik. Hal ini demikian kerana responden akan memilih parti politik pilihan mereka berdasarkan keprihatinan barisan pemimpin terhadap pengundi.

Akhir sekali, barisan parti politik yang dapat menunaikan janji-janji pilihan raya menjadi pilihan responden sebanyak 5 peratus. Ini kerana pengundi sering berhadapan dengan situasi yang mana barisan pemimpin politik hanya akan menjanjikan pelbagai kemajuan dan bantuan kepada penduduk setempat ketika fasa berkempen namun setelah habis hari mengundi janji tersebut hilang dan dilupai oleh sesetengah barisan pemimpin politik. Sebagai contoh, PRU-14, yang mana manifesto mereka tidak sepenuhnya dipenuhi mereka. Hal ini mengakibatkan rakyat yang mengundi marah dan rasa dikhianati menyebabkan mereka akan beralih arah kepada parti politik yang lain.

3. Ciri-Ciri Politik Kepartian yang Menjadi Pilihan Responden

Dalam konteks politik di Malaysia, fahaman politik kepartian ini tidak asing lagi dalam kehidupan manusia lebih jelas lagi dalam politik pilihan raya sehingga dilihat memberi pengaruh besar terhadap pelbagai aspek. Dalam politik kepartian terdapat ciri-ciri politik kepartian yang menjadi pilihan responden. Hasil dari kajian ini menunjukkan peratusan responden yang memilih ciri-ciri fahaman politik kepartian yang merentasi ciri-ciri kaum/agama tetapi mengutamakan perjuangan dan nilai keadilan sosial, demokratik, amanah, berintegriti dan progresif adalah 43 peratus. Responden memilih ciri-ciri politik kepartian ini disebabkan responden lagi mementingkan politik kepartian yang lebih memperjuangkan dan nasib mereka sebagai pengundi di kawasan kajian tanpa ada sebarang isu atau tujuan yang lebih kepada mengutamakan kehendak parti semata-mata. Pengundi juga menginginkan sebuah politik kepartian yang tidak dibezakan dari ciri kaum atau agama kerana semua kaum dan agama perlu mendapat keadilan sosial yang sama rata.


Berikutnya, ciri-ciri fahaman politik kepartian yang mengutamakan Islam sebagai ciri utama/teras dalam kerajaan sebanyak 31 peratus. Hal ini disebabkan majoriti pengundi kawasan kajian ialah beragama Islam dan ini menyebabkan mereka sebagai pengundi memilih politik kepartian yang menjadikan Islam sebagai teras dalam kerajaan. Akhir sekali, ciri fahaman politik kepartian berteraskan Melayu yang memperjuangkan bangsa dan agama sebagai teras utama parti merekodkan nilai terendah dengan 26 peratus responden. Hal ini kerana sebahagian penduduk di kawasan kajian terdiri dari bangsa yang berlainan. Ciri

kepartian politik ini hanya tertumpu kepada bangsa Melayu sahaja. Kemajuan semua bangsa diperlukan kerana penduduk Malaysia yang sememangnya berbilang bangsa perlu diberikan perhatian secara adil.

4. Faktor Utama Mempengaruhi Diri Responden Untuk Memberi Undi Kepada Parti Politik Semasa Dalam Pilihan Raya

Berdasarkan Rajah 2, 37 peratus responden menggunakan faktor parti yang berasaskan kaum, usia calon, tahap agama dan akademik calon serta lain-lain sebagai perkara yang mempengaruhi pilihan mereka untuk mengundi. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden akan memberikan undi kepada parti atau calon yang paling mampu untuk memenuhi segala kehendak mereka berdasarkan kepada maklumat dan pengetahuan politik mereka. Diikuti dengan faktor manifesto yang menjadi faktor kedua tertinggi dengan 32.5 peratus responden memilih faktor manifesto parti politik sebagai faktor yang mempengaruhi diri mereka untuk memberi undi kepada parti politik semasa dalam pilihan raya.

Rajah 2. Faktor Paling Utama Mempengaruhi Responden Membuat Pilihan Untuk Mengundi (Peratus)



Sumber: Soal selidik 2021


Hal ini terbukti apabila responden yang lebih cenderung kepada teori ini kebiasaannya memilih parti yang menjanjikan faedah dan jangkaan yang bakal diperoleh berdasarkan pilihan yang dibuat. Jika melihat kepada analisis manifesto PRU-14, 2018, buat pertama kalinya manifesto BN jatuh ke belakang manifesto PAS kerana menjanjikan Malaysia yang lebih kuat dan berkuasa dengan autonomi yang tinggi, pentadbiran yang bersepadu, berkuasa mengekstrak sumber dalam skala yang besar serta mempunyai skop yang luas (Maximal State). Malahan, manifesto PAS mengatasi manifesto BN yang juga menjanjikan negara yang berkuasa mengekstrak sumber dalam skala yang besar, bersepadu serta memiliki skop yang komprehensif (Maximal State). Jauh berbeza dengan manifesto PH yang kekurangan dalam kesemua empat komponen 'kuasa negara' dari perspektif 'State-centered Realism'.

5. Teori/Model Perlakuan Mengundi Yang Lebih Mempengaruhi Responden Untuk Mengundi

Umumnya, terdapat tiga pendekatan teori atau model perlakuan mengundi yang telah dikaji oleh penyelidik di Barat iaitu teori identifikasi parti, teori pilihan rasional dan model sosiologikal. Pemahaman terhadap tingkah laku dan corak pengundian oleh pengundi ini dapat membantu pihak yang bertanding dalam memenangi

sesuatu pilihan raya. Pelbagai faktor yang dikaitkan dengan corak pengundian iaitu faktor geografi, sosiologi, psikologi, kaum, kelas dan sebagainya. Hasil kajian menunjukkan bahawa 37 peratus responden pula lebih cenderung untuk memilih sosiologi (Lihat Rajah 3). Pendekatan sosiologi bagi kajian ini menekankan bahawa etnik, umur, latar belakang agama dan akademik calon dan lain-lain mempengaruhi pilihan pengundi dalam pilihan raya.

Rajah 3. Teori/Model Perlakuan Mengundi Yang Lebih Mempengaruhi Responden Untuk Mengundi (Peratus)



Sumber: Soal selidik 2021

Dalam teori ini, responden lebih mengutamakan calon yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi serta pengalaman kerjaya yang membanggakan. Seterusnya 30.5 peratus responden bersetuju bahawa semangat kepartian (identifikasi parti) mempengaruhi perlakuan responden untuk mengundi. Teori ini merujuk kepada ikatan dan kesetiaan kepada parti politik dan atas dasar inilah sesebuah parti itu dipilih dalam pilihan raya. Oleh itu, berlakunya penurunan nilai kesetiaan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Kebiasaannya, ahli keluarga sendiri akan mempengaruhi perlakuan pengundi dalam membuat pilihan parti dimana menyebabkan parti yang disokong oleh responden sama dengan parti yang disokong oleh ibu bapa mereka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, geopolitik pengundi di kawasan Tumpat menunjukkan bahawa mereka mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap isu, senario, kriteria pemilihan calon dan parti serta faktor yang akan menentukan sokongan mereka dalam pilihan raya. Rata-rata pengundi di kawasan Parlimen Tumpat bersikap neutral dan mementingkan faktor calon dan isu ketika mengundi dalam sesuatu pilihan raya. Dari segi geopolitik pilihan raya kawasan Parlimen Tumpat jika dilihat dari segi empat DUN maka kekuatan BN dan PAS adalah seimbang kerana BN dominan di kawasan DUN Pengkalan Kubor dan Wakaf Bharu manakala PAS kuat di DUN Pasir Pekan dan Kelaboran. Tingkah laku pengundi boleh berubah berdasarkan kekuatan pengaruh isu dan pemimpin yang ditampilkan di sesuatu kawasan. Politik adalah seni dan strategi mengurus maka dinamik politik boleh berlaku bila-bila masa bergantung kepada keadaan semasa dan strategi parti politik mengurus isu dan pengundi itu sendiri. Justeru, semua pihak perlu mengamalkan politik nilai dan

politik yang mementingkan rakyat atau pengundi kerana merekalah diakhirnya yang akan menentukan menang-kalah calon atau parti politik yang bertanding.

Perakuan dan Penghargaan: Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan di kawasan Parlimen Tumpat, Kelantan. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Yayasan Al-Busyra di atas Dana SK-2021-017.

Rujukan

- Abdul Rahman. (1999). *Kesedaran dan Partisipasi Politik Dalam Kalangan Masyarakat Siam Kelantan: Kajian Kes di Kawasan Dewan Undangan Kelaboran Tumpat*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Afif Zulkipli. (2017). *Gelagat Pengundi di kawasan Parlimen (P.19) Tumpat, Kelantan*. Desertasi Sarjana. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Hj. Muhammad Noor. (1991). *Ada Apa di Serambi Mekah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Alias Mohamed. (1994). *Kelantan di bawah pemerintahan PAS: Masalah tanah dan rasuah*. Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Ariff Aizuddin Azlan, Zulkanain Abdul Rahman & Amer Saifude Ghazali. (2016). The 2014 Pengkalan Kubor by-election in the state of Kelantan, Malaysia: Electoral democracy via opposition inter-party system. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(12), 88-98.
- Azan Fikri Ahmad. (2002). *Persepsi dan penerimaan penubuhan Puteri UMNO dalam kalangan beliawanis Pasir Mas Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badan Perhubungan PAS Kelantan. (2000). *10 tahun pemerintahan PAS Negeri Kelantan Darulnaim dibawah kepimpinan ulamak*. Kota Bharu: Badan Perhubungan PAS Kelantan.
- Chua Siew Yoon. (2000). *Geopolitik peranan Cina Kelantan di Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education* (5th edition). London: Routledge.
- Erdawati Dollah. (1999). *Penilaian pembangunan parti pembangkang (PAS) di Kelantan. Kajian kes di Parlimen Tumpat*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Harun. (1999). *Kelantan rakyat dinamik negeri semakin ketinggalan*. Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn Bhd.
- Hj. Mohd Amin Yaakub. (2001). *Sejarah pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.
- Husam Musa. (2012). *Royalti: Amanah dikhianati*. Kota Bharu: Royalti Kelantan.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 47-78.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Tingkah Laku Pengundi dan Pilihan Politik di Kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 13(3), 97-11.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Pola pengundian etnik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Kubor, Kelantan. *Merentasi sempadan yang melewati zaman: Kumpulan esei sempena persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. 271-300. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Junaidi Awang Besar (2021). Sentimen kepartian dan personaliti pemimpin pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di Kawasan DUN Chempaka, Kelantan. *Akademika*, 91(1), 81-96
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Novel Lyndon & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Pendekatan Teori Kelakuan Pengundi dan pilihan politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 1: 60-77.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faizd Mohd Zain. (2012). Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan: Analisis geografi pilihan raya. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 64-74.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faizd Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali & Muhammad Hazim Abdul Ghani. (2018a). Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 dengan menggunakan pendekatan Teori Kelakuan Pengundian. Dlm. *Pilihan Raya Kecil Sungai Limau, Kajang, Balingian dan Pengkalan Kubor*. Syed Arabi Idid (Pnyt.). Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Sity Daud, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2018b). Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Senario, Pola dan Impak. Dlm. *Pilihan Raya Kecil Sungai Limau, Kajang, Balingian dan Pengkalan Kubor*. Syed Arabi Idid (Pnyt.). Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir Rosmadi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9, 191-214.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 28-38.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori, Mokhtar Ahmad, Mohd Nizar Sudin, Mohd Nor Hafis Ahmad Pauzan, Munauwarah Ziauddin & Ahmad Afif Zulkipli. (2020). Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 5(19), 21-53.
- Kamsaini Hassan. (1995). Pola Tingkahlaku Pengundi Melayu Kelantan: Kajian Kes di kawasan Parlimen Kota Bharu dan Pasir Mas. Latihan Ilmiah Jabatan Geografi, UKM.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Majelar Mamat. (1993). Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Nilam Puri (P.22), Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Azlin Abdullah. (2015). Pilihan Raya Kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Status quo BN melalui strategi politik pembangunan. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Agus Yusoff. (1994). Politik Kelantan selepas pilihanraya 1990. Terbitan Tidak Berkala Dunia Melayu No. 13. Bangi: Penerbitan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.
- Mohammad Agus Yusoff. (1995). Pilihanraya umum 1990: mengapa rakyat Kelantan menolak Barisan Nasional?. Dlm. Mohammad Agus Yusoff. *Perkembangan dan perubahan sosio-politik Kelantan 1955-1995*. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohammad Redzuan Othman. (2011). Kekalahan dan kegagalan Barisan Nasional menawan Kelantan dalam pilihan raya umum ke-12. Dlm. Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor. *Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12: Isu dan pola pengundian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fadhli Ghani. (2017). Kebangkitan PAS: Kepimpinan ulama bermula di Kelantan. Dlm. Wan Nik Wan Yussof (Pnyt.). *Bangkit selepas tersungkur: Tiga dekad PAS Kelantan 1978-2008*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Mohd Faidz Mohd Zain, Samsu Adabi Mamat, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2014). Pilihan Raya Umum 2013: Penolakan berterusan pengundi di Kelantan terhadap Barisan Nasional. *Geografia Online: Malaysian Journal Of Society And Space*, 10, 15-27.
- Mohd Firdaus Al-Amry. (1992). *Kerajaan tanpa restu*. Kuala Terengganu: Mahir Enterprise.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). Pembangunan dan pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 7(Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development): 29-39
- Mohd Rozimi Mohd Nasir & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2012). PAS di Kelantan sehingga Pengisytiharan Darurat 1977. *Demokrasi dan Pilihan Raya*, 1(1), 43-60.
- Mohd Sayuti Omar. (1994). *Dilema politik Kelantan: Mampukah BN gugat Angkatan?*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mohd Sayuti Omar. (2017). *Selepas piraum 14: Kelantan milik siapa?*. Kuala Lumpur: Penerbit Tinta Merah.
- Mohd Shardi Saripuden. (1999). *Sumbangan wanita dalam pilihan raya: Kajian kes Pasir Puteh, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Malaysia.
- Mohd. Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2005). Kajian Corak Pengundian di Pilihanraya Kecil Pengkalan Pasir 2005. *Persidangan ICOSH 2015. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd. Mahadee Haji Ismail & Ab. Bassit Husin. (2008). Penterjemahan demokrasi dalam pilihan raya umum ke-12: Satu tinjauan ke atas budaya politik masyarakat Melayu Kelantan. In: Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (eds). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.
- Mohd. Noor Yazid. (2011). *Percaturan kuasa dan politik pilihan raya*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Muhamad Nadzri Mohamed Nor & Mohd Faizal Daud. (2016). Pilihan Raya dalam politik Kelantan 1990-2013: Antara parti, pemimpin dan isu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics dan Strategic Studies*, 43(2): 51-73.
- Muhammad 'Izzudin Che Ismail. (2019). Sentimen kepartian vs personaliti pemimpin dalam PRU 2018: Kajian kes di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) N.06 Chempaka, Kelantan. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Faizalnizam Zulkifeli. (2019). *Penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di kawasan N.21 Pantai Irama, Bachok, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muhammad Nurluqman Mohd Zin. (2017). *Perlakuan pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan*. Desertasi Sarjana. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Natasha Syakila Roslan. (2019). *Pengaruh identifikasi parti terhadap sokongan kepada parti politik di kawasan N.07 Panchor, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1995). *Kelantan universiti politik terbuka*. Nilam Puri: Maahad ad-Dakwah Wal-Imamah.
- Nor Fazlina Abdul Rahim & Mohd Zulkifli Zainuddin. (2018). *Dua Faktor PAS Kekal DiKelantan*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/424002/dua-faktor-pas-kekal-di-kelantan>.
- Norzaimawati Mustapha. (2001). *Persepsi dan partisipasi politik masyarakat Orang Asli: Kajian kes di RPS Kuala Betis Gua Musang, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti kebangsaan Malaysia.
- Nur Aina Nadia Zulkifli. (2019). *Pilihan Raya Umum 2018: Tingkah laku pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (N.29) Selising, Pasir Puteh, Kelantan Darul Naim*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Azuki Yusuf. (2021). Faktor kekuatan PAS di Kelantan dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika politik pilihan raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 117-140. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurul Syafiqah Sauti. (2019). *PRU-14, 2018: Kriteria pemilihan parti dan calon, isu dan faktor sokongan kepada parti politik di kawasan N.30 Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmat Saripan. (1979). *Perkembangan politik Melayu tradisional Kelantan 1776-1842*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozimi Nasir. (2016). *Kelantan 1977: Politik dan pergolakan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Samsiyah Ismail. (1996). *Tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi pilihan raya 1986, 1990, 1995 di Negeri Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Amani Mohd Rahim. (2013). *Kelantan: Strategi dan peluang Barisan Nasional (BN) menawan semula daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Khadijah Midin. (2015). *Pendekatan kelakuan pengundi terhadap pilihan politik di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan*. Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- SPR. (2018). *Statistik kaum Parlimen Tumpat, Kelantan*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya.
- Tuan Ab Hamid Tuan Daud. (2020). Kronologi pentadbiran Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan 1990-2020. Dlm. Wan Nik Wan Yussof (Pnyt.). *Tiga dekad Membangun Bersama Islam Negeri Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.
- Wan Imran Wan Ab. Rahman. (1996). *Krisis politik Kelantan: Siapa salah? Sultan? Semangat 46? atau PAS?*. Kota Bharu: Federal Public Agency.
- Wan Nik Wan Yussof & Nik Najmil Hanif Ab Rahim. (2020). *Pembinaan tamadun Kelantan*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.

- Yusri Yusof. (1995). *Kelantan: Penentu agenda politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Daisii Communications
- Zulkarnain Yusof, Hussin@Mohamad Ab. Rahman, Wan Fauzi Wan Mamat & Mohd Safri Ya. (2003). *Kajian sikap minda rakyat Kelantan: tinjauan dari aspek politik dan agama*. Laporan Akhir Penyelidikan. Universiti Teknologi MARA, Kelantan.
- Zulkifli Haji Omar. (2004). *Mencari jogho baru*. Kuala Lumpur: Tastax Raya Sdn. Bhd.